

BN MAHU

UM 5 APR 1986

BESAR—

KUALA TERENGGANU
4 April — Datuk Sri
Dr. Mahathir Mohamad
hari ini menyeru rakyat
memastikan Barisan
Nasional terus berkuasa
dengan majoriti besar untuk
membolehkannya
meneruskan usaha - usaha
pembangunan untuk
kesejahteraan mereka.

Perdana Menteri menegaskan,
kemenangan besar hendaklah dicapai di
semua peringkat - bagi kerusi-kerusi
Parlimen dan Dewan - Dewan Undangan
Negeri.

Beliau bagaimanapun menarik perhatian
bahawa hasrat Barisan Nasional untuk
mencapai kemenangan besar bukanlah
bererti ia tamak dan angkuh "tetapi
kuasa itu penting bagi menguatkan
kerajaan supaya dapat terus
mempertingkatkan pembangunan untuk
kesejahteraan rakyat semua kaum."

Berucap dalam perjumpaan dengan
pekerja - pekerja BN di Stadium Negeri
di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir
berkata, jika BN tidak mencapai
kemenangan besar, kerajaan akan
menjadi lemah.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan
Nasional berkata: "Jika keadaan tersebut
wujud sudah tentu sukar bagi kita
berbuat apa-apa kerana takut dan
bimbang kehilangan sokongan dan juga
ahli-ahli Dewan melompat ke parti lawan
apabila mereka tersinggung jika sebarang

Oleh
Masmi Mohamad
dan **Wan Zulkifli Yaacob**

tindakan yang dilakukan tidak popular
dan tidak disukai ramai.

"Dengan bilangan kerusi yang banyak,
tindakan boleh diambil tanpa ragu-ragu
dan takut terhadap mereka yang
menyeleweng dari tanggungjawab bagi
memastikan segala perancangan berjalan
lancar demi kepentingan negara."

Bagaimanapun, jelas Datuk Sri Dr.
Mahathir, kejayaan besar itu hanya akan
dapat dipastikan melalui kerjasama dan
tolong - menolong di antara semua parti
komponen Barisan Nasional dengan
menyokong calon-calonnya, meskipun ia
tidak terdiri daripada kaum mereka.

Katanya, kerajaan mesti berani untuk
mengambil tindakan yang tidak popular
kerana pemerintahan yang berkesan dan
kemajuan yang pesat tidak akan dapat
dijalankan di mana - mana negara
sekalipun jika jumlah kerusinya kecil dan
ini akan membawa ketidakstabilan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan
dengan begitu banyak kaum serta
pelbagai resam dan kebudayaan serta
parti yang dianggotai, perpecahan mudah
timbul bila ada perasaan tidak puas hati
dan sebagainya yang boleh membawa
permusuhan dan sekaligus menjejaskan
kestabilan negara.

"Melalui konsep Barisan Nasional yang
berasaskan kerjasama dan toleransi
dengan penyatuan beberapa parti yang
setengahnya berasaskan perkauman,

LIHAT MUKA 6

Mahu menang besar

UM 5 APR 1986
segala
permasalahan yang wujud
dapat diselesaikan di meja
perundingan," ujarnya.
Katanya, UMNO selaku
parti yang menjadi
tunggak pemerintahan
negara bersedia
bekerjasama dengan
mana-mana parti bukan
Melayu yang ingin
bergerak sama-sama
memajukan bangsa dan
negara kerana melalui
perpaduan yang wujud ia

menjadi asas kejayaan.

"Kita akan terus berbaik-
baik dengan semua orang
yang berniat jujur dan
benar, melainkan mereka
yang memusuhi dan cuba
menghancurkan kita,"
tegasnya.

Katanya, Barisan Nasional
sentiasa membuka pintu
untuk mengadakan
perundingan dengan mana
- mana pihak untuk
menyelesaikan apa juga
masalah yang timbul.

MAHATHIR MENANG